

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 3/1990**

=====

**KADAR MENGENAKAN PREMIUM BAGI PEMBERIMILIKAN
TANAH-TANAH UNTUK MAKSUD PERTANIAN**

Adalah saya memaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bermesyuarat pada 4hb. April, 1990 telah membuat keputusan untuk mengenakan kadar premium baru bagi pemberimilikan tanah untuk maksud pertanian seperti Lampiran 'A' yang dikembarkan bersama-sama ini.

2. Berikutan dengan keputusan yang dimaksudkan itu, maka Pentadbiran-Pentadbiran Tanah Daerah adalah diingatkan iaitu apabila menyediakan Surat Ringkasan untuk menimbangkan kes-kes permohonan pemberimilikan tanah untuk tujuan pertanian, pastikan bayaran premium untuk pertanian yang berkenaan dikenakan mengikut kadar premium baru yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan seperti yang disebutkan di perenggan 1 di atas.

3. Tarikh kuatkuasa ialah mulai tarikh kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang tersebut di perenggan 1 di atas.

T.T

(HAJI IDRIS BIN DENAN)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor

Bertarikh : 31hb. Mei 1990.

PTG. SEL 45/1/1

RAHSIA

LAMPIRAN 'A'

KADAR PREMIUM INI TELAH DILULUSKAN OLEH MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN PADA 4.4.1990

**PREMIUM YANG DITETAPKAN UNTUK PEMBERIMILIKAN TANAH
BAGI KEGUNAAN KATEGORI PERTANIAN**

Bil.	Kawasan	Premium yang dikenakan					Di dalam kawasan Perizapan Melayu
		Getah, kelapa, kelapa sawit, kopi, belimbing, betik, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman yang berbentuk 'commercial' (i)	Selain daripada (i) dan termasuk tanaman kg. dan tanaman am (ii)	Padi, nipah dan sagu (iii)	Pemeliharaan binatang-binatang ternakan (iv)	Pemeliharaan binatang-binatang lain (iv)	
1.	<u>Dalam Lembah Klang.</u> (Petaling, Klang, Gombak dan Ulu Langat)						
	(i) Dalam kawasan Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah	\$1,300.00 (sehektar)	\$500.00 (sehektar)	\$100.00 (sehektar)	\$1,500.00 (sehektar)	\$2,000.00 (sehektar)	½ daripada premium yang ditetapkan
	(ii) Di luar kawasan Majlis Perbandaran dan Mjlis Daerah	\$1,000.00 (sehektar)	\$400.00 (sehektar)	\$100.00 (sehektar)	\$1,300.00 (sehektar)	\$1,600.00 (sehektar)	- sama -
2.	<u>Di Luar Lembah Klang</u> (Kuala Selangor, Ulu Selangor, Kuala Langat, Sabak Bernam dan Sepang)						
	(i) Dalam kawasan Majlis Daerah	\$ 800.00 (sehektar)	\$300.00 (sehektar)	\$100.00 (sehektar)	\$1,000.00 (sehektar)	\$1,400.00 (sehektar)	- sama -
	(ii) Di luar kawasan Majlis Daerah	\$ 500.00 (sehektar)	\$300.00 (sehektar)	\$100.00 (sehektar)	\$ 800.00 (sehektar)	\$1,000.00 (sehektar)	- sama -